

TERBITAN: KMUM APIUM

E-RISALAH

MAHASISWA & ISLAM

**CARA RASULULLAH
BERBIGARA**

M/S 6

WHO

QALBUN SALIM

M/S 7

ARE

YOU ?

**PERJALANAN
MENGARI IDENTITI
KEMAHASISWAAN**

M/S 19

M/S 24

**MENELADANI SURAH AL-KAFIRUN
DALAM MENCONTOHI RASULULLAH
BERPRINSIP SEBAGAI
MEMBANGUNKAN KARAKTER**

EDISI 1

IDENTITI: MENGENALI ATAU DIKENALI?

Dalam mencari identiti diri yang sebenar, perlulah difahami bahawa tujuan kita mencari adalah untuk lebih mengenali bukan dikenali. Ramai yang gagal mengenal diri dan menjadikan diri mereka sebagai bahan ikutan sehingga hilang jati diri yang sedia ada. Jatuhnya nilai sebuah harga diri akibat tidak dapat menembus sempadan persoalan tentang siapakah diri mereka yang sebenarnya?

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat bagi orang-orang yang berakal."

(Surah Ali-Imran : 190)

Orang yang berakal ialah orang yang menggunakan akalunya secara sihat. Bukan atas dasar ikutan emosi dan perasaan semata. Yang bijak mengawal akal, perasaan dan hati pada setiap keadaan. Yang sentiasa berfikir, memerhati arah sekeliling tentang "Siapakah aku?", "Dari mana asal usul aku?" dan "Untuk apa aku diciptakan? ".

Maka dengan itu, edisi sulong E-Risalah APIUM ini tampil dengan persoalan ringkas yang sama; Who Are You? dan dipadatkan dengan jawapan yang menarik didalamnya. Mudah-mudahan kita dapat memperoleh gambaran yang jelas mengenai bagaimana bentuk dan corak diri sebenar yang diinginkan. In Shaa Allah.

Nur Liyana binti Mohamad Asri

KE
Kalam Editor

ORGANISASI E-RISALAH APIUM



PENASIHAT

Prof Madya Dr Siti Zubaidah binti Ismail

PENGARAH

Azrie Ezaidi bin Rohaidee
Asna binti Sulaiman

SETIAUSAHA

Hafeezur-Rahman bin Awel
Liyana Nadiah binti Rosmi

EDITOR

Nur Liyana binti Mohamad Asri
Muhammad Saiful Izuan bin Osman

KONSEP/LAYOUT

Afiqah binti Razlee
Muhammad Hafiz bin Zamri
Puteri Nazura binti Takiudin
Nur Imanina binti Harun
Nur Izyanti Afiqah binti En Abdul Rahim

ILUSTRASI

Dayang Farhanah binti Awang Faizol
Nurul Adha binti Mahamad Madani
Nurul Hanis binti Yusoff

HADIAH

Nurul Afiqah binti Md Muhyiddin

LEBIH MENARIK!

29

"Tambatkan Diri Dengan Tindakan"



31

"Aku Bukan Slapa-Siapa"



33

"Daie Mahasiswa"



ISI KANDUNGAN

4 Doa Ma'thur

Doa Dimudahkan Urusan

6 Syamail
Muhammadiyah

Cara Rasulullah Berbicara

7 Qalbun Salim

Qalbun Salim

11 Fiqh Budaya

Media Sosial: Pembina atau Perosak Identiti?

13 Kata Murabbi

*Menangani Cabaran
Kemahasiswaan*

16 Minda Sihat

*Stres Banyak Masalah?
Relaks, Kekal Tenang dan
Cari Solusi*

19 Diari Alumni

*Perjalanan Mencari Identiti
Kemahasiswaan*

24 Istaqamu

*Meneladani Surah Al-Kafirun
Dalam Mencontohi Rasulullah
Berprinsip Sebagai
Membangunkan Karakter*

27 Begitu Begitu
Caranya

Berubah?

29 Jom Relaks

Doa Dimudahkan Urusan

رَبَّنَا لَا تَوَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا
رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا
كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا
رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ
وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا
أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

*"Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir".
(Al-Baqarah : 286)*

NURUL NAJWA
AZRIN BINTI AZMI
TAHUN 2
SARJANA MUDA
SAINS GUNAAN DAN
PENGAJIAN ISLAM



Doa Ma'thur

Bersua buat kali pertama, semoga makin bertambah rasa kasih sayang antara kita dengan Maha Pencipta (al-Khaliq) juga yang diciptakan-Nya. Hidup kita sehari-hari tidak akan pernah lari daripada ujian dan dugaan yang dianugerahkan. Tidak menarik bukan andai kehidupan kita hanya ada satu warna? Perlunya warna-warni untuk kita mengenali mana yang cantik, mana yang buruk, untuk dipilih bagi mencorakkan kain yang disediakan sejak awal kelahiran kita ke dunia ini. Allah tidak akan menguji hamba-Nya kecuali perkara itu bersesuaian dengan kemampuan seseorang yang memikulnya. Sudah pasti ada hikmah yang tersirat di sebalik ujian yang ditanggung di atas muka bumi ini.

SIAPA KITA?



Siapa diri kita sebenarnya? Adakah kita sekadar manusia yang ingin hidup semata bagi keperluan diri seperti makan, minum, berhibur dan meneruskan generasi ayahanda Nabi Adam semata-mata? Ingatlah! Kita semua ada tugas yang sama yang ditetapkan oleh Allah dalam al-Quran al-Karim. Kita adalah khalifah kepada makhluk-Nya, dalam masa yang seiring kita juga hamba-Nya yang kerdil, tiada apa-apa yang boleh dibandingkan dengan kekuasaan dan kekayaan yang dimiliki-Nya.



Panduan dan rujukan kepada setiap muslim tidak syak lagi ialah kitabullah dan hadith junjungan mulia Nabi Muhammad. Rujuklah para ulama yang mursyid dalam memahami firman Allah dan sabda Rasulullah. Doa di atas boleh diamalkan setiap kali kita dalam keadaan senang mahupun susah, dalam erti kata lain setiap masa. Semoga kehidupan kita lebih terarah selepas ini. Wallahu a'lam bis sawab.

Betapa Allah muliakan golongan yang bernama manusia ini untuk memikul dua tanggungjawab besar melebihi makhluk-Nya yang lain. Seandainya kita dapat melaksanakan dua perkara ini dengan baik dan berpandukan rujukan yang sebenar, kita lebih mulia daripada para malaikat yang sentiasa bertasbih memuji dan memuja keagungan Allah 'Azza wa Jalla. Namun, seandainya kita tidak melaksanakan mengikut panduan tersebut, kita lebih buruk daripada para syaitan yang direjam dan dilaknat oleh Allah sejak keingkaran mereka terhadap arahan-Nya untuk bersujud kepada Nabi Adam. Nauzubillahi min zalik.

QALBUN SALIM

Pengidentitian mahasiswa pengajian Islam itu seringkali dikaitkan dengan cara pemakaian, pergaulan, ilmu yang dipelajari dan aktiviti seharian yang dilihat ada kelainan berbanding mahasiswa biasa. Keberadaan mereka di institusi-institusi pengajian tinggi sama ada kerajaan atau swasta ibarat mewajahkan kampus-kampus berkenaan dengan persekitaran yang islamik atau disebut dengan buah solehah. Namun, mereka bakal menempuh kondisi yang agak rumit apabila berhadapan dengan suasana kampus yang jauh berbeza berbanding persekitaran sebelumnya. Dalam menghadapi situasi tersebut, apakah asas-asas kefahaman yang perlu dipasak agar mereka berkemampuan untuk mengekalkan keperibadian mahasiswa pengajian Islam yang sebenar dan dapat dipertahankan menjadi jati diri walaupun suasana semasa sentiasa meniupkan angin perubahan?

AHMAD AZIZI
BIN AZIZ
TAHUN 4
SARJANA MUDA
USULUDDIN
(AL-QURAN & AL-HADITH)



Qalbun Salim



Bagi merungkai persoalan berkenaan, mahasiswa terlebih dahulu mestilah memahami kedudukannya sebagai mahasiswa jurusan agama adalah pilihan Allah, yang diberikan kepada sesetengah orang, tidak kepada sesetengah yang lain. Ilmu agama adalah amanah yang perlu digalas dengan sebaik mungkin bagi mendekatkan umat dengan ajaran Islam. Sebagaimana ahli agama dipandang tinggi oleh masyarakat setempat, situasi yang hampir serupa dihadapi oleh pelajar jurusan agama di universiti, mereka disanjung melangit, perlakuan mereka umpama dalil kepada orang yang sekelilingnya. Pasti segelintir daripada mereka menjadi kurang selesa dengan keadaan tersebut sehingga perlu berlakon di hadapan kawan-kawan yang lain. Situasi sebegini sebenarnya dapat diharmonikan dengan menghayati pesanan ulama', iaitu Maulana Abdul Hamid yang sering berpesan kepada pelajar madrasah agama agar menghargai sangka baik orang lain terhadap kita dengan berusaha menjadi seperti yang mereka sangka. Perkara yang pertama boleh diusahakan adalah mempunyai amalan peribadi yang akan menjadi benteng kekuatan rohani. Mahasiswa Islam perlu menjaga solat fardhu berjemaah, berselawat, berpuasa sunat dan membaca zikir-zikir harian seperti al-Ma'thurat, Ratib al-Haddad, Hizb Nawawi, Hizb Bahr dan sebagainya kerana hati adalah tempat tilikan Tuhan.

Selain itu, mahasiswa Islam perlu mengambil berat terhadap program-program penghayatan Islam serta pengajian ilmu. Di sinilah terletak akar intelektual yang menjadi perlambangan kepada mahasiswa Islam yang sangat dahagakan ilmu pengetahuan. Mahasiswa Islam yang hakiki adalah orang yang berusaha mengangkat institusi ilmu dan ahlinya. Mereka sangat menghargai setiap karya, gagasan idea, penulisan dan wacana-wacana yang menjadi platform pencerdasan ummah. Hubungan baik dengan para pensyarah menjadi rahsia keberkatan ilmu yang dipelajari. Mahasiswa Islam perlu memahami bahawa jurusan mereka tidak pernah menjamin mereka terus dapat menjadi seorang yang memahami agama dengan baik apatah lagi menguasai cabang-cabang ilmu yang lain sekiranya tidak ada kesedaran, kesungguhan dan penghayatan. Bahkan terdapat ramai mahasiswa jurusan selain daripada pengajian Islam yang lebih mempunyai sikap konsistensi terhadap majlis-majlis ilmu, memberi komitmen sepenuhnya terhadap program-program yang bersifat Islamik berbanding mahasiswa pengajian Islam sendiri kerana timbulnya kesedaran dalam diri mereka. Persoalannya bukan terletak pada bentuk pengajian yang diikuti semata-mata, tetapi sejauh manakah tahap kesedaran dan kecaknaan terhadap isi-isi program agama itu sendiri semata-mata, tetapi sejauh manakah tahap kesedaran dan kecaknaan terhadap isi-isi program agama itu sendiri.

Justeru, perlunya ada sikap bermuhasabah terhadap tahap penguasaan ilmu agama dalam diri masing-masing terutama penguasaan ilmu Bahasa Arab, Fardhu Ain dan pengkhususan ilmu yang dipelajari. Mereka juga perlu memikirkan sejauhmana kemampuan dan kesediaan bagi menjawab persoalan-persoalan agama apabila berhadapan dengan masyarakat. Di samping itu, mereka perlu bersikap kritis terhadap penyelewengan kefahaman terhadap Islam yang menjenamakan Islam dengan pelbagai nama yang boleh menyebabkan mahasiswa jauh daripada kefahaman Islam yang sebenar, dalam masa yang sama mempunyai pembacaan yang meluas merangkumi persoalan pokok dalam agama sehingga kepada perbincangan furu' yang lebih terperinci. Tidak lupa pembacaan yang merangkumi isu kemasyarakatan, pendidikan, sosial, ekonomi dan politik agar mindanya lebih terbuka.

Seterusnya, kita hendaklah memahami bahawa mahasiswa Islam perlu berperanan dalam kampus dari sudut membangkitkan kesedaran beragama dalam kalangan mahasiswa. Jika ditelusuri sejarah gerakan mahasiswa era 60 hingga 70-an, mereka cukup dekat dengan mahasiswa dan masyarakat. Isu rakyat adalah isu mereka. Walaupun suasananya sudah berbeza dengan zaman milenial ini, tetapi semangat tersebut harus dicontohi. Dalam konteks mahasiswa Islam, mereka perlu menyedari ilmu yang mereka pelajari sangat berkait rapat dengan pengamalan masyarakat yang memerlukan untuk mereka mengamati soal adat setempat dan permasalahan yang dihadapi, kedua-duanya ini memberi kesan kepada hukum serta perlaksanaannya. Kematangan ilmu itu diperoleh setelah menyelusuri pelbagai pengalaman hasil bergelumang dengan berbagai-bagai karenah orang dan cabaran. Dengan itu, mereka akan mudah beradaptasi dengan kepelbagaian situasi kerana wujudnya kedinamikan dalam pendekatan. Bagi menjadikan perkara tersebut suatu idea yang praktikal, mahasiswa disarankan untuk berorganisasi sebagai platform bagi mengasah bakat diri dan mendekati golongan mahasiswa.





Medan kampus merupakan latihan sebelum mereka terjun ke dunia yang lebih luas dan mencabar. Selain berusaha meningkatkan kemahiran berkomunikasi, bersosial, pengurusan organisasi dan penyelesaian masalah, mereka juga perlu melakukan sumbang saran bagi menterjemah idea-idea dalam bentuk program-program yang dianjurkan. Program yang bersifat mendidik diri dan hati, mengenal Tuhan dengan pengetahuan yang sebenar, menguasai hukum-hakam dan program berbentuk dakwah menjadi tumpuan utama dalam memenuhi ruang-ruang kehidupan sebagai seorang mahasiswa Islam. Program berkenaan perlu diperluas jaringan dari sudut

penyertaan, capaian maklumat dan sebaran informasi agar manfaatnya dapat dirasai oleh seluruh warga kampus. Hal ini juga bertujuan supaya lebih ramai mahasiswa yang dapat mengenali hakikat Islam. Mereka juga perlu bijak dalam menguruskan konflik perbezaan yang mungkin wujud antara persatuan-persatuan yang ada dek perbezaan pembawaan, objektif, agama dan bangsa. Dengan itu mereka telah melaksanakan sebahagian besar tuntutan sebagai seorang daie di alam kampus.

Konklusinya, mahasiswa pengajian Islam perlu menyedari kepentingan mempunyai sikap yang betul bagi mengekalkan keperibadian mahasiswa pengajian Islam yang sebenar sehingga ia dapat dipertahankan menjadi jati diri. Sikap merupakan pembuka jalan untuk meraih kecemerlangan dalam pengajian dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan.



**KHAIRUNNISA
BINTI SALLEH**
ALUMNI APIUM
KINI SEBAGAI GURU
SANDARAN & SPEAKER
MEDIA SOSIAL



Fiqh Budaya



SOALAN

“Kewujudan media sosial seperti Facebook dan pelbagai aplikasi lain membuka ruang untuk anak-anak muda lebih mudah menjalin hubungan sosial dengan masyarakat sebagai medium hiburan serta menyerlahkan bakat dan kebolehan tersendiri. Persoalannya, sejauh manakah media sosial ini mendatangkan manfaat dalam pembentukan identiti mahasiswa Islam? Apakah hukum bagi seseorang Islam berhibur dengan aplikasi dan mengikut corak hidup luar negara?”

JAWAPAN

Assalamualaikum buat semua pembaca yang dirahmati Allah. Semoga perkongsian ini bermanfaat bagi membina identiti diri dalam menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

Mendepani realiti dunia baru, tidak dinafikan bahawa semua orang mempunyai peranti canggih seperti telefon bimbit dan komputer riba. Manusia berlumba-lumba untuk memiliki segala peralatan canggih agar tidak ketinggalan jauh di belakang. Apabila menyentuh soal telefon bimbit, sudah tentu di dalamnya ada pelbagai aplikasi yang dimuat turun untuk dimanfaatkan oleh pengguna, khususnya aplikasi media sosial.

Sebagaimana kalian para pembaca yang budiman, saya juga memiliki Whatsapp, Facebook, Instagram dan beberapa aplikasi sosial yang lain di dalam telefon bimbit saya. Hal ini sudah menjadi kebiasaan malahan ada yang menganggap ianya

sebagai suatu keperluan, sehinggakan jika ada dalam kalangan rakan yang tidak pernah membina akaun media sosial akan dianggap ‘pelik’.

10 tahun yang lalu, kita mungkin tidak pernah tahu rutin harian kenalan terdekat. Namun kini, kuasa media sosial membolehkan kita mengakses dan melihat semua aktiviti semua kenalan sekiranya mereka memuat naik status di media sosial, malahan orang yang langsung tidak pernah kita kenal. Lantaran itu, perkara ini dapat mengeratkan silaturahim namun ada juga keburukannya seperti melahirkan sifat ingin tahu dan menjaga tepi kain orang lain.

Kini, media sosial juga menjadi medium hiburan utama bagi merehatkan minda. Muncul pula aplikasi hiburan seperti Tiktok, permainan atas talian PUBG dan Mobile Legend. Kewujudan pelbagai aplikasi baru ini menimbulkan persoalan dalam kalangan masyarakat adakah perkara

perkara ini dibolehkan dalam hiburan Islam? Hal ini kerana ada pihak yang menilai aplikasi-aplikasi hiburan media sosial lebih banyak membawa mudarat berbanding manfaat.

Dalam kaedah fiqh ada menyatakan:

HUKUM PERTAMA

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل
الدليل على التحريم

Asal sesuatu hukum itu adalah harus sehingga ada dalil yang menyatakan pengharamannya.

Hukum menggunakan aplikasi-aplikasi yang dinyatakan adalah bergantung kepada cara kita mengendalikannya. Di dalam kitab Fiqh al-Manhaji ada dinyatakan penetapan hukum dalam hiburan iaitu:

Makruh sekiranya tidak berfaedah dan tiada kebaikan

Haram jika membawa keburukan, mudarat dan bercampur unsur yang dilarang syarak

Dibenarkan, harus jika memberi manfaat dan kesan yang baik kepada individu atau masyarakat

HUKUM KEDUA

Hukum berbeza ini adalah berdasarkan kaedah umum iaitu:

الحكم على الشيء فرع عن تصوره

Hukum terhadap sesuatu perkara merupakan cabang daripada gambarannya.

Contohnya:

Enjin pencarian Google. Sekiranya kita menggunakan enjin pencarian tersebut untuk perkara yang berilmiah, perkara ini diharuskan malah digalakkan kerana mendatangkan

manfaat. Namun, jika enjin pencarian digunakan untuk membaca atau melihat perkara yang melalaikan, hukum penggunaannya boleh jatuh haram.

Begitu jugalah dengan aplikasi media sosial. Sekiranya akaun-akaun yang kita miliki digunakan untuk memuat naik status dan video bermanfaat, mengikuti perkongsian individu yang memberi pengaruh baik seperti ulama dan ilmuwan, maka sudah tentu kita dapat mengutip bahagian pahala dan mendapat kebaikan daripada media sosial. Jika akaun dicipta untuk perkara sebaliknya, maka terkumpullah bahagian-bahagian dosa.

Kesimpulannya, berusaha menyelesaikan diri dalam corak kehidupan moden adalah tidak menjadi masalah selagi mana tidak lari dari landasan syariat. Jika baik penggunaannya, tentulah membina, jika buruk caranya, rosak binasa. Nasihat saya, dalam apa juga perkara yang kita laksanakan, niat kerana Allah, dengan izin-Nya semua akan menjadi baik-baik. Gunakan media sosial sebagai satu medium berkongsi perkara bermanfaat, perkara ini bukan sahaja menjadi lambang identiti kita sebagai mahasiswa Islam kepada masyarakat luar, kelak jika kita meninggal dunia, ada 'saham' yang masih hidup sebagai tatapan, diamalkan generasi selepas kita.





Menangani Cabaran Kemahasiswaan

Prof Madya Dr Sa'adan bin Man
Pensyarah
Jabatan Fiqh & Usul

"Tibalah masanya, permulaan sesi baharu,
semester baharu bersama azam baharu dan
persediaan serba baharu"

Untuk anda sebagai mahasiswa dalam menjalani sebuah kembara ilmu untuk melengkapi perjalanan yang masih belum sempurna. Dalam dunia serba mencabar ini, kekangan dalaman dan luaran diri mahasiswa menjadikan cabaran semakin sukar dihadapi dan belenggunya semakin ampuh menghimpit.

Cabaran dan ujian itu sendiri adalah lumrah kehidupan dan merupakan sebahagian daripada perencanaan dan sunnah Allah SWT kepada manusia. Ia bertujuan untuk menjadikan manusia terus berusaha membina kehidupan yang lebih baik, berjiwa kental dan kukuh dalaman serta luaran untuk menghadapi cabaran - cabaran selanjutnya. Sunnah cabaran inilah yang menghasilkan sunnah perjuangan.

Cabaran datang dalam pelbagai bentuk seperti luaran dan dalaman. Bagi seorang mahasiswa yang menjalani kehidupan sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi, cabaran akademik dalam konteks perjuangan menuntut ilmu mungkin tidaklah sehebat berjihad di medan perang. Namun perjuangan akademik mempunyai cabaran tersendiri dimana ia menuntut semangat jihad yang tinggi. Terdapat juga hadis yang menjelaskan bahawa menemui ajal ketika menuntut ilmu statusnya adalah syahid. Nyatalah bahawa menuntut ilmu di peringkat mana sekalipun merupakan satu jihad yang menuntut kekentalan spiritual dan fizikal.

Cabaran akademik mahasiswa sebenarnya banyak berlegar di sekitar cabaran dalaman, iaitu cabaran pada akal dan minda. Gambaran perjuangan akademik mahasiswa adalah pengupayaan intelektual melalui penggarapan nilai kognitif, psikomotor dan afektif yang menjadi tiga domain asas dalam pendidikan. Ia dilengkapi dengan penitipan kemahiran insaniah serta adab yang bakal menjadi instrumen penting apabila mahasiswa telah bergraduasi nanti. Teras yang akan menghidupkan pengupayaan ini ialah keazaman yang kental dan disiplin yang ampuh. Sesiapa yang menuntut ilmu ibarat memegang panji Fi Sabilillah sebagaimana diisyaratkan dalam hadis:

مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ، كَانَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ.
رواه الترمذي

"Barangsiapa yang keluar menuntut ilmu maka ia berada di jalan Allah sehinggalah ia pulang."

Jihad menuntut ilmu pada era kini tidaklah sesukar mana. Malah dunia kemahasiswaan adalah dunia yang indah dan penuh warna warni. Namun dalam menghadapi norma baharu akibat pandemik Covid-19 yang melanda dunia global, terdapat beberapa cabaran baharu yang perlu kita hadapi. Walaupun cabaran-cabaran ini mungkin ada kerumitan di peringkat awal, In Shaa Allah lambat laun ianya akan menjadi satu proses normalisasi yang bakal menjadi uruf baharu dalam proses pembelajaran dan ianya perlulah kita tangani dengan penuh keterbukaan serta kesiapsiagaan.

Sebagai rumusan, menghadapi cabaran sebagai mahasiswa perlu kepada beberapa proses; kenalpasti tujuan, fokus kepada kaedah mencapainya dan lipat gandakan kemampuan untuk mencapainya. Azam dan disiplin adalah kuncinya. Selamat datang dan selamat kembali ke dunia menara gading. Semoga di bumi UM ini anda beroleh berkat dari keilmuannya.







Stres



banyak



masalah?



Relaks



kekak



tenang



dan



cari



solusi

MOHD NURHAKIM
BIN ABD AZIZ
ALUMNI APIUM
KINI SEBAGAI FELO
PERDANA DI
KEMENTERIAN WILAYAH
PERSEKUTUAN



Minda Sihat

“Minda sihat, Badan cergas”

Merupakan retorik Melayu yang sering kali diguna pakai oleh seseorang individu dalam menggambarkan keperluan seseorang dalam menjaga kesihatan mental. Dunia hari ini mempamerkan seribu satu jenis masalah yang mana mengganggu kognitif(mental), afektif (emosi), dan tingkahlaku seseorang individu.

Masalah- masalah ini wujud apabila seseorang individu tidak mempunyai kemampuan untuk menanganinya di samping keadaan semasa yang tidak memihak kepada mereka. Antara masalah yang dimaksudkan adalah seperti kewangan tidak mencukupi untuk menyara diri, tidak mempunyai pekerjaan, keupayaan menyeimbangkan diri antara komitmen keluarga dan kerjaya, dan banyak lagi. Walaupun demikian, setiap individu di dunia ini mempunyai masalah tersendiri baik seorang bayi atau warga tua. Sebagai contoh, dalam keadaan seseorang individu itu pada fasa perkembangan bayi, ketidak upaya diri membersihkan najis sendiri juga menjadi suatu masalah pada dirinya kerana rasa tidak selesa yang mana kita dapat kenal pasti ianya sebagai masalah adalah melalui tindak balas perasaan menangis.

Masalah yang datang dalam kehidupan bukan suatu perkara baru dan asing. Ianya bergantung kepada keupayaan dan kemampuan seseorang menerimanya dan menanganinya dengan baik tanpa mencederakan psikologi diri sendiri.

Bagaimana?

1 “Breath In and Out”

Lakukan senaman relaksasi ketika mana sedang berhadapan dengan sesuatu masalah. Maksudnya disini praktikal kaedah “breath in” dan “breath out” dengan betul. Dalam perbincangan minda sihat, suka dijelaskan bahawa ketenangan dalam menghadapi komplikasi kehidupan bukan sahaja membantu menjernihkan emosi, malah turut membantu corak pemikiran seseorang untuk berfikir lebih rasional dan realistik serta tidak bertindak terburu- buru.

2 Duduk dan Fikir

Sarjana psikologi menyatakan bahawa apabila seseorang individu mengalami kekusutan yang menjejaskan kesihatan akal, perasaan dan tingkah laku yang mana disebabkan tidak berupaya menghadapi masalah atau cabaran yang menyekat diri, individu tersebut perlulah memberikan ruang kepada diri untuk duduk dan lihat serta berfikir bagaimana masalah tersebut datang, mengapa ia terjadi, siapa yang terlibat dan lain- lain. Maksud sarjana berkenaan adalah seseorang individu yang sedang dalam masalah dinasihatkan untuk bertenang dan berfikir secara rasional tentang punca sebenar sesuatu masalah yang berlaku kepada dirinya. Kaedah ini dilihat amat penting dalam memastikan kestabilan psikologi diri ketika mana merasakan tiada arah tuju untuk menyelesaikan masalah sedangkan ianya dapat dihadapi dengan baik dan tenang.

3 Bermunajat kepada Allah

Sebagai individu beragama Islam, kaedah pendekatan agama menjadi satu inisiatif rohani dalam memastikan kesihatan akal berada dalam keadaan baik. Sebagai contoh kaedah pendekatan agama yang dimaksudkan adalah bermunajat kepada Allah SWT, solat sunat dan doa. Antara yang lain, apabila seseorang individu khususnya bagi yang beragama Islam, apabila menghadapi sesuatu masalah, belajar untuk terima, redha dan tawakal kepada Allah SWT.

Ini demikian kerana redha dan tawakal yang sebenar-benarnya akan memberi suatu ketenangan pada hati di samping ketetapan hati dan akal yang maklum bahawa masalah yang datang adalah salah satu bentuk ujian untuk melihat sejauh mana tahap ketakwaan kita terhadap Allah SWT. Sedangkan kita yang Muslim dituntut untuk bertakwa kepada Allah Maha Esa. Datang ujian, sabar, terima, redha dan tawakal.

Tuntasnya, dalam memastikan akal kita sihat, hati juga perlu seimbang untuk sentiasa berada dalam keadaan baik. Masalah? Semua orang ada masalah. Bezanya adalah bagaimana kita melihat masalah tersebut. Kena pada cara, In Shaa Allah settle!

Wallahu 'alam...

Kajian sarjana sains dalam bidang kepakaran respiratori telah menjelaskan bahawa pengawalan pernafasan yang baik dapat membantu seseorang manusia untuk bertenang serta dapat mengelakkan diri daripada menghadapi tekanan emosi.



**MOHD NURHISYAM
TALANG**
ALUMNI APIUM
KINI SEBAGAI PEGAWAI
DI TABUNG BAITULMAL
SARAWAK



Diari Alumni

Perjalanan Mencari Identiti Kemahasiswaan

Persekitaran di alam universiti sangat berbeza dengan alam persekolahan. Jadual kelas, aktiviti kokurikulum, kelas tambahan, pakaian seragam, waktu rehat, prep petang dan malam dan sebagainya mempunyai perspektif yang cukup berbeza.

Di alam universiti ini lebih memerlukan kepada kebijaksanaan dan kematangan individu mahasiswa itu sendiri untuk menyusun atur kehidupan dan membentuk karakter dan identiti diri. Oleh sebab itu, tidak hairanlah apabila ramai dalam kalangan mahasiswa yang sentiasa terkapai-kapai mencari hala tuju perjalanan yang ingin mereka lalui. Ada berjaya, ada yang gagal, ada juga yang biasa-biasa sahaja. Inilah hakikat sunnatullah kitaran kehidupan yang perlu dihadapi.

Sekiranya kita melihat peralihan alam kehidupan, semua kita bermula daripada alam roh, kemudian beralih kepada alam rahim, alam dunia, alam barzakh dan akhir sekali alam akhirat di mana pengakhirannya antara syurga dan neraka. Begitu juga kehidupan kita, daripada zaman kanak-kanak, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, universiti, berkerjaya dan bersara di hari tua. Setiap peralihan itu memiliki persekitaran berbeza-beza dan perlu membentuk identiti yang sesuai dengan peredarannya.

Tidak mungkin seorang yang sudah menjadi ibubapa masih membawa identiti seorang kanak-kanak. Peranan dan tanggungjawab yang berbeza ini sangat menuntut identiti yang bersesuaian.

Persoalan?

Beralih kepada perbincangan dalam konteks mahasiswa di alam universiti. Persoalan yang penting dalam konteks mahasiswa ini ialah apakah identiti yang perlu mereka bentuk? Adakah masih seperti pelajar sekolah atau matrikulasi? Atau sudah mulanya fasa untuk mendewasakan diri? Ketahuilah bahawa membentuk identiti ini sangat penting kerana ia akan menentukan hala tuju kita dalam kerangka yang betul dan objektif yang ingin kita capai sepanjang 4 tahun di universiti. Adakah sebagai mahasiswa kita hanya ingin menuntut ilmu, mendapat pekerjaan yang baik, mencari pengalaman atau sekadar memenuhi kehendak ibu bapa dan masyarakat semata-mata? Untuk membantu anda menjawab persoalan ini, saya kongsi bersama formula atau kaedah untuk membentuk identiti diri anda sebagai seorang mahasiswa. Ingatlah bahawa 4 tahun perjalanan akan banyak bergantung kepada identiti yang anda ingin dibentuk.

Kerangka Fundamental Sebagai Hamba & Khalifah

Sebenarnya telah wujud banyak sumber rujukan dan panduan psikologi untuk kita membina identiti diri, mencari minat, cita-cita, kerjaya dan sebagainya. Antara buku yang menjadi pilihan ialah Find Your Why, Ikigai: The Japanese Secret to a Long and Happy Life, What Color is My Parachute? Man's Search for Meaning, Rules for Life: An Antidote to Chaos dan banyak lagi. Namun begitu, kehidupan kita sebagai seorang muslim dan mukmin, Allah SWT telah mendidik kita supaya menyedari tujuan hidup kita ialah untuk beribadah kepadanya sebagai

seorang hamba dan memakmurkan muka bumi ini sebagai seorang khalifah. Firman Allah SWT tentang peranan sebagai hambanya dalam surah Adh-Dhariyat ayat 56 dan peranan sebagai khalifah di muka bumi dalam surah Al-Baqarah ayat 30 secara jelas menyatakan hal ini.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan(ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaku

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ

بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifa di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata: "Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

Oleh sebab itu, walau siapa pun kita dan apa sahaja cita-cita yang ingin kita kejar, 2 kerangka asas kehidupan ini tidak boleh diabaikan. Contohnya sebagai seorang mahasiswa, kewajipan rukun Iman dan rukun Islam hendaklah tetap ditunaikan, khususnya solat 5 waktu sehari semalam. Dalam masa yang sama sentiasa belajar bersungguh-sungguh mendapatkan CGPA tertinggi sehingga bergraduasi. Gabungan kedua-duanya bukan hanya akan membentuk identiti kemahasiswaan yang berkualiti, bahkan turut mendapat keredhaan dan rahmat Ilahi.

Membina Kematangan Diri, Bukan Kerjaya Yang Tidak Pasti

Kebanyakan graduan lepasan universiti kecewa kerana tidak mampu mendapatkan peluang kerjaya sesuai dengan bidang pengajian mereka. Contohnya seorang graduan bidang kewangan dan ekonomi kecewa tidak dapat bekerja di sektor perbankan ataupun seorang graduan pengurusan halal yang tidak dapat bekerja sebagai seorang eksekutif halal. Inilah lumrah bagi kebanyakan graduan kita sekarang. Kenapa hal ini berlaku? Kerana mindset mereka telah meletakkan bahawa melanjutkan pelajaran ke universiti adalah semata-mata untuk mendapatkan kerja sahaja.

Apakah sebenarnya tujuan melanjutkan pelajaran hingga ke menara gading? Adakah satu kesalahan untuk mengejar cita-cita dan kerjaya yang diimpikan? Sudah tentu tidak salah untuk membina jalan mencapai karier yang diinginkan. Cuma ingin ditegaskan di sini bahawa, adalah terlalu sempit pemikiran seorang mahasiswa itu apabila waktu pengajian mereka selama 4 tahun di universiti menjadi penentu perjalanan hidup 40 tahun



Dr Jordan Peterson, seorang ahli psikologi Kanada pernah ditanya, apa yang patut seorang mahasiswa perlu pelajari sebenarnya. Jawapan beliau belajarlah untuk bercakap, membaca, menulis dan berfikir secara bijaksana dan articulated kerana asas kemahiran ini akan menjadi super power yang akan banyak membantu mengharungi pelbagai liku-liku kehidupan dan kerjaya. Beliau memberikan contoh seorang tukang kasut yang pandai berfikir dan bercakap atau berkomunikasi dengan pelanggan akan menyerlah 10 kali ganda lebih hebat dan berbakat berbanding tukang kasut biasa yang hanya tahu kemahiran membaiki kasut. Sebab itu, walau apa pun bidang yang dipelajari oleh seseorang mahasiswa, pastikan ianya mampu mengasah asas kemahiran ini untuk membentuk identiti kemahasiswaan yang lebih berkualiti.

Ilmu Bukan Sekadar Pointer

Apabila berbicara tentang ilmu, ingatlah bahawa Allah SWT ada berfirman dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, surah Al-Alaq ayat 1 hingga ayat 5.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ②

أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④

عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, -Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Ayat ini jelas mengajar kita betapa pentingnya budaya membaca. Membaca boleh diluaskan pengertiannya kepada banyak bentuk tafsiran makna seperti membaca melalui pemerhatian, pengalaman dan kajian. Bahkan perbahasan dan huraian para alim ulama berkenaan tentang wahyu ini sudah cukup memberikan kita gambaran bahawa luasnya ilmu yang Allah SWT kurniakan. Sebab itu saya selalu tegaskan kepada rakan mahasiswa, kejarlah pencapaian pointer yang terbaik dengan CGPA yang tertinggi. Namun janganlah hanya terhadkan pengajian ilmu 4 tahun di universiti sekadar untuk mengejar pointer semata-mata. Majlis-majlis ilmu yang dianjurkan melalui seminar, kuliah, tazkirah, usrah dan sebagainya di universiti hendaklah dimanfaatkan sebaiknya. Ilmu Allah sangat luas untuk kita terokai dan pelajari. Ingat, ilmu bukan sekadar pointer!

Keputusan Dan Tindakan Di Tangan Diri Sendiri

Tahu semata-mata tidak mencukupi jika tidak bertindak. Tahu bahawa buah di pokok boleh dimakan tidak mencukupi jika tidak diambil dan dimakan. Tahu pentingnya membentuk identiti kemahasiswaan tidak mencukupi tanpa ada usaha dan tindakan. Tiada manusia yang mampu berubah dalam sekelip mata. Oleh sebab itu, apa yang paling penting, anda mesti mula bertindak dan mengorak langkah maju ke hadapan. Keputusan di tangan anda sendiri.

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ⑪

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.



4 PESANAN UNTUK MAHASISWA

1. READ GREAT BOOKS

Bacalah buku karya agung, buku “best seller” di perpustakaan dan pasaran. Anda memiliki masa 4 tahun yang sememangnya khusus untuk membaca dan belajar. Kalau dah malas sangat, tahu tajuk dan sedikit inti pati buku pun sudah cukup baik. Jangan hanya bergantung dengan pembentangan dalam kuliah dan buku teks sahaja.

2. LEARN TO READ, LEARN TO THINK, LEARN TO SPEAK

Beljarlah untuk membaca, berfikir dan bercakap secara lebih “articulate”. Ia nampak seperti perkara yang kecil, tetapi melalui penguasaan tiga kemahiran ini, anda sebenarnya memiliki “super power” untuk mendepani pelbagai cabaran dalam kehidupan.



3. DON'T WASTE YOUR TIME

Jangan terpedaya dengan mengatakan diri anda tidak cukup masa. Sedarlah bahawasanya mahasiswa di Malaysia antara golongan yang mempunyai masa lapang yang paling banyak. Oleh itu, manfaatkanlah masa anda sebaiknya. Jangan dibazirkan begitu sahaja.

4. KNOW YOURSELF FOR FUTURE SUCCESS

Apabila anda mampu menganalisa dan bermuhasabah diri, insyaallah lebih mudah untuk anda merancang perjalanan hidup anda selepas bergraduasi. Kejayaan di universiti bukan segala-galanya. Ia hanyalah satu permulaan untuk kita lebih mengenali, memahami, dan menjiwai perjalanan hidup ini.

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ﴿١﴾

Say, "O disbelievers,

Quran 109 : 01



MUHAMMAD
FAKHRUL ISLAM BIN
MOHD FOUZI
TAHUN 3
SARJANA MUDA
USULUDDIN (SEJARAH
& TAMADUN ISLAM)



Istiqamu

"Untuk mengikuti dan mencontohi Rasulullah SAW, kita perlu sedikit sebanyak mengenal sosok tubuh mulia ini."
-Penulis



MENELADANI SURAH AL-KAFIRUUN DALAM MENCONTOHI RASULULLAH BERPRINSIP SEBAGAI MEMBANGUNKAN KARAKTER

Apabila berbicara mengenai identiti diri, perkara yang paling besar dan penting untuk dititikberatkan adalah soal membina sebuah prinsip. Prinsip menggambarkan kuatnya karakter dan identiti seseorang tatkala berhadapan dengan serangan dari luar dan dalam. Dalam membangunkan karakter pastinya kita memerlukan sebuah acuan atau model untuk dijadikan sebagai kayu ukur agar karakter yang mahu dibangunkan tersebut adalah karakter yang tepat dengan adanya 'testimoni' meyakinkan agar menjadi sebuah karakter yang kuat dan utuh.

Pastinya, model yang perlu kita jadikan ikutan tidak lain tidak bukan Rasul yang mulia, Muhammad SAW. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap Allah dan hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)



Sejarah Rasulullah S.A.W

Baginda telah dilahirkan pada tarikh 20 April 571 Masihi bersamaan 12 Rabiul-awwal. Tempat kelahiran baginda adalah di Kota Makkah, bahagian daripada Semenanjung Hijaz Tanah Arab (hari ini dikenal sebagai Arab Saudi). Kehidupan baginda bermula dengan penuh duka apabila sejak lahir sudah ketiadaan ayah. Kemudian, apabila menjangah umur 6 tahun, baginda kehilangan pula ibu yang tercinta Siti Aminah. Setelah itu dipelihara oleh datuknya Abdul Mutallib dan sebelum kemudiannya dipelihara pula oleh bapa saudaranya, Abu Talib setelah datuknya meninggal dunia. Baginda telah memulakan karier kehidupannya sebagai penggembala kambing sebelum bertukar karier menjadi pedagang ketika memasuki usia belia. Baginda telah bergiat menjadi pedagang sehinggalah baginda menjangah usia 40 tahun ketika baginda mula mendapat wahyu dan perintah sebagai seorang rasul. Tempoh kehidupan baginda selama 40 tahun digunakan sebaiknya untuk membina karakter dan peribadi yang unggul sehingga baginda digelar al-Amin kerana tidak pernah berdusta.

Apabila dilantik menjadi Rasul, baginda pun mula berdakwah dan menyampaikan risalah tauhid kepada kaumnya. Tempoh 23 tahun berdakwah menonjolkan semangat Nabi yang sangat cekal di samping kebijaksanaan yang tiada taranya dalam mendekati kaumnya. Namun, perkara yang paling jelas adalah prinsip baginda ketika berdakwah. Kerana bukan sahaja baginda ditolak dalam dakwah, malahan baginda juga diuji dengan tawaran sekian-sekian pemberian bersifat rasuah dengan bermaksud agar baginda menghentikan seruan baginda. Maka, di sini surah al-Kafiruun menggambarkan prinsip baginda ketika berhadapan dengan ujian tatkala mengajak manusia kembali kepada Tuhan dan melakukan kebaikan.

Surah Al-Kafirun

Surah al-Kafirun adalah surah makkiyah yang bererti diturunkan di Mekah sebelum hijrah. Surah ini diturunkan di fasa ke-2 dakwah Nabi iaitu permulaan dakwah secara terus terang. Surah ini diturunkan apabila orang kafir memberikan usul dan cadangan kepada Nabi untuk berkompromi dengan setahun menyembah berhala, dan kemudian setahun berikutnya menyembah dan beriman kepada Allah SWT. Maka objektif surah al-Kafirun ini turun untuk menggambarkan prinsip Nabi SAW iaitu syirik bukanlah suatu yang boleh dikompromi. Berkompromi dalam perkara-perkara yang menyebabkan kemurkaan Allah SWT bukanlah tanda kebijaksanaan dalam berdakwah. Lalu, surah ini mengajarkan kepada kita suatu perkara yang besar iaitu berprinsip untuk sentiasa berada atas landasan kebenaran tidak selalunya akan menatijahkan perkara-perkara yang menyenangkan dan memudahkan. Jangan korbankan prinsip hanya semata untuk memenangkan semua pihak.

Penutup

Tuntasnya, prinsip yang teguh sebagai karakter adalah perkara yang sangat penting. Ia akan menentukan apa tindakan yang kita akan ambil, disamping bagaimana kita mengurus keputusan apabila meraikan kehendak-kehendak manusia. Ada perkara yang kita boleh bertolak ansur dan ada perkara yang kita perlu bertegas dengannya. Jadikan al-Quran dan Rasulullah SAW sebagai model utama kerana keduanya adalah sebaik-sebaik panduan dan acuan dalam membina karakter terutamanya pembinaan prinsip.

NURFARISA
BINTI ANUAR
TAHUN 4
SARJANA MUDA
PENDIDIKAN ISLAM



**BEGITU BEGINI
CARANYA**

BERUBAH?

“Weh, macam mana nak berubah?”

“Hah? Berubah macam mana yang kau maksudkan? Okay je aku tengok kau sekarang”

*“Haha, tolong aku berubah ke arah kebaikan mungkin”
Perbualan terhenti tatkala telefon berbunyi...*

Sahabat,
Dalam kehidupan, kita tidak akan lari daripada kesilapan dan kekurangan. Ada masa kita betul, ada masa kita silap, ada masa kita semangat dan ada masa kita futur.

Saat itu, carilah Dia Yang Maha Mengerti kerana Dia tahu segala isi hati.

Bilamana, terdetik dalam diri untuk berubah ke arah yang lebih baik.

Percayalah, itu jentikan hati daripada Ilahi.

Sahabat,
Perubahan menuntut kepada kekuatan dan keazaman yang tinggi.

Ya. Tidak dinafikan bukan mudah untuk melupai “kisah silam” yang pernah terpatri dalam diri.

Justeru, jadikanlah “kisah silam” sebagai guru yang terbaik dalam kehidupan agar kita tidak mengulangnya kembali.

Percaya dan yakinlah, kekuatan itu lahir daripada Allah Yang Maha Mengasihani.

Firman-Nya, dalam surah Al-Baqarah ayat 186 yang bermaksud “...Dan apabila hamba-hambanya bertanya kepadamu tentang Aku, maka sesungguhnya Aku adalah dekat”

Kalam indah ini menunjukkan kepada kita bahawa Allah sentiasa ada. Tidak pernah meninggalkan kita walaupun seketika.

Cuma mungkin kita yang sering alpa pada-Nya.

Jangan putus harap.

Mohonlah pada Dia Yang Maha Kuat.

Sahabat,

Matlamat kita perlu jelas.

Perubahan ini demi Allah semata-mata agar kita lebih kuat sepanjang perjalanan kehidupan.

Bukan kerana manusia dan isi dunia.

Kerana “kesempurnaan” pada kaca mata manusia.

Membuatkan kita penat dan lelah dipertengahan perjalanan kehidupan.

Tidak dinafikan, proses perubahan banyak mehnah dan ujian yang perlu ditempuhi.

Segala cacian, kejian dan makian kadang-kadang membuatkan kita jatuh tersungkur dek kerana kata-kata dusta mereka.

Saat itu, hanya Dia dan Al-Quran menjadi peneman setia untuk membina kekuatan dalaman agar terus kuat meniti titian kehidupan yang sementara.

Firman-Nya, dalam surah Al-Insyirah ayat 5-6 yang bermaksud “Maka, sesungguhnya tiap-tiap kesulitan bersama kemudahan. Sesungguhnya, tiap-tiap kesulitan bersama kemudahan”

Kalam indah ini membuktikan cinta-Nya kepada hamba.

Bahawa kita tidak pernah bersendirian.
Kerana ada Allah yang sentiasa menemani.

Sahabat,
Jangan pernah kita lupa pada kekuatan doa.
Kerana Dia Ya Sami' Yang Maha Mendengar segala rintihan dan keluhan hambanya.
Walaupun takdir kehidupan kita berliku.
Namun, mohonlah pada Dia Yang Maha Mengampuni dan Maha Berkuasa.
Manusia umpama nakhoda yang berlayar di lautan.
Sebagai nakhoda kita mempunyai arah dan destinasi tersendiri.
Tiupan angin, pukulan ombak dan cuaca tidak sentiasa menyebelahi kita.
Hanya doa yang ampuh menemani diri.
Saat menghadapi detik getir diari kehidupan ini.

Sahabat,
Kadang-kadang kita lupa yang kita ada Allah.
Kita terus mengalah dan mengalah.
Kita terus menangis dan menangis.
Sampai kita lupa yang kita ni hamba.
Sahabat, kita ada Dia yang tidak pernah lupa pada kita.
Bangkit dan berhenti menangis.
Lap air mata yang mengalir.
Belajar ukir senyum tawa bahagia.
Dunia ini sementara sahaja.
Kenapa mahu bersedih sedangkan ianya cuma persinggahan seketika?
Jangan lupa matlamat kita adalah Allah semata.

Akhirnya, carilah cinta yang setia pada Dia Yang Maha Esa.
Kerana Dia peneman sentiasa.
Nilai padangan Allah itu yang utama.
Walaupun hina pada pandangan manusia.
Tetapi, mulia pada pandangan Allah Yang Maha Berkuasa.
Biarlah apa orang nak kata.
Kerana redha Allah dan syurga dambaan kita semua.
Jangan letak pengharapan yang tinggi kepada manusia.
Kerana takut luka kembali berdarah semula.
Kerana manusia itu lemah sifatnya.
Moga Allah pimpin dan bimbing kita semua menuju perubahan mencari cinta Allah yang mulia.



TIP-TIP BERUBAH

- 01 Sentiasa bersemangat
- 02 Keazaman yang tinggi
- 03 Jangat berhenti berharap
- 04 Jelas matlamat
- 05 Membina kekuatan dalaman
- 06 Bangkit
- 07 Doa

TAMBATKAN DIRI DENGAN **TINDAKAN**

Sekiranya kita meneliti sejarah, setelah Rasulullah SAW dilantik menjadi Nabi dan Rasul, perkara pertama yang baginda lakukan ialah dengan tindakan menyampaikan ajaran tauhid kepada saudara terdekat dan seterusnya kepada orang ramai. Apabila nabi diberikan wahyu, Nabi tidak terus menyendiri, berzikir di gua Hira' dan secara langsung Islam itu tertegak di bumi. Tidak sama sekali! Islam tidak menampakkan sinarnya andai Nabi tidak bergerak untuk berdakwah, menguruskan keluarga dan pentadbiran, tidak bergaul mesra dengan seluruh lapisan masyarakat. Rasulullah SAW dan para sahabat telah menjalani beberapa siri peperangan demi untuk mempertahankan keIslaman mereka. Wahyu pertama iaitu surah al-'Alaq ayat satu, dengan maksud 'Bacalah (Muhammad) dengan nama tuhanku yang Maha menciptakan (sekalian makhluk).

Melalui ayat ini, kita boleh perhatikan Allah memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk membaca. Allah tidak memberitahu terlebih dahulu kepentingannya dan Nabi juga tidak bertanya kenapa perlu baginda melakukan perkara tersebut. Kadang-kadang sesetengah perkara kita terlalu fokus untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat sehingga akhirnya dengan segala informasi kita masih tidak pasti apa yang patut dilakukan. Contoh mudah yang boleh saya lihat sebagai seorang pelajar, kita rajin mencari banyak petua bagaimana untuk menguasai bahasa Inggeris, Arab dan seumpamanya. Namun, selepas banyak kaedah yang diperolehi, akhirnya apa yang kita lakukan? Kita masih di jalan buntu untuk bertindak dan berfikir panjang bagi mencapai matlamat terhadap


pencarian maklumat itu. Kesannya mungkin menjadikan kita sudah tidak bersemangat untuk melakukan perubahan dan penambahbaikan dalam diri. Oleh itu, tidak dapat tidak berusaha untuk terus buat apa yang diinginkan dengan mengambil yang hanya diperlukan.

Selain daripada itu, perkara yang perlu dititik beratkan dalam melakukan sesuatu kerja adalah konsisten. Di dalam sebuah hadith yang bermaksud "Daripada Aisyah r.ha, Nabi Muhammad SAW bersabda: "Wahai manusia lakukanlah amalan mengikut keupayaan kamu. Sesungguhnya Allah tidak jemu sehinggalah kamu jemu. Amalan yang paling Allah sukai ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit" (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Maka, konsisten dalam melakukan sesuatu pekerjaan adalah

AISYAH FARHAH
BINTI KAMARUDDIN
TAHUN 3
SARJANA MUDA
USULUDDIN
AL-QURAN & AL-HADITH




JOM RELAKS



penting dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti.

Secara tuntasnya, setiap daripada kita mempunyai potensi diri. Sebahagian daripada kita berminat dengan dunia perniagaan, ada yang gemar untuk mendidik. Malah ada lebih gemar menumpukan diri dalam bidang keilmuan. Maka bersungguh-sungguhlah untuk mencapai apa yang dicita-citakan. Anda tidak mampu menjadi seorang usahawan yang berjaya andai tidak dipraktikkan ilmu-ilmu perniagaan yang diperolehi. Kita mungkin tidak mampu untuk mendidik masyarakat sekiranya kita sendiri hanya bijak membaca tingkah masyarakat tanpa kita menyumbangkan pandangan melalui medium-medium yang sedia ada. Ilmu tambahan juga tidak akan diperolehi andai kata kita terus menerus hanya berbangga dengan sejarah para ilmuan terulung. Hakikatnya, dunia tanpa sempadan ini telah memberi ruang yang sangat luas untuk kita mendapatkan maklumat. Lalu, kurangnya kita pada tindakan maka penuhilah tuntutan ini. Bertindak dengan konsisten, hasilnya letak kepada Tuhan.



AKU BUKAN SIAPA-SIAPA

Bismillahirrahmanirrahim, ungkapan mulia aku mulakan penulisan dakwah ini, tanpa tinta dan kertas, hanya menaip pada ruangan gajet yang kupunya, moga apa yang kuingin sampaikan ini bermanfaat untuk sang pembaca. “AKU BUKAN SIAPA-SIAPA” adalah tajuk penulisan ini bertemakan Mahasiswa & Islam.

“Aku Bukan Siapa-Siapa” hanya insan biasa. Tiada harta untukku menyombong diri, tiada rupa untukku angkuh meninggi, tiada darjat untukku mendabik dada menonjol diri. Namun, aku punya agama untuk dijulang tinggi, aku punya Rasul untuk diikuti dan aku punya Tuhan untuk disembahi. Dengan itu, aku seolah-olah punya segala-galanya.

Aku mahasiswa Universiti Malaya, datangku jauh dari negeri kelahiran yang tercinta. Memilih Universiti Malaya sebagai destinasi penerusan ilmu dan peradaban insan. Moga terus diberi kekuatan dalam setiap langkahku menuju medan ilmu, moga terus diberi ilham dalam setiap hela nafasku sebagai mahasiswa Islam, pencorak masa hadapan negara.

“Aku Bukan Siapa-Siapa” hanya anak orang kampung sahaja, bapaku buruh, ibuku penjaga rumah sepanjang masa. Tapi aku punya impian dan cita-cita. Impian dan cita-citaku bukan hanya bermain sekitar kampung ini bahkan ke ibu kota. Jika masanya tiba, sungai Nil dan wangian bunga lavender akan kurasai dengan tanganku sendiri.

Aku muslim yang belajar, dunia mahasiswa berbeza sungguh dengan pelajar menengah mahupun rendah. Suara mahasiswa mampu diangkat dan didengari oleh pihak berkuasa. Tangan mahasiswa mampu bersama sama pihak pentadbiran mencorakkan dunia akademik dan hala tuju institusi. Terus bangkit mahasiswa demi negara, bangsa dan agama.

“Aku Bukan Siapa-Siapa” hanya seorang kakak yang ingin berkongsi pesan. ‘Adik-adik, jangan susahkan ibu ayah ya, jangan minta sesuatu yang membebankan ibu ayah, jangan buat ibu ayah susah hati. Sebaliknya, bantu ibu ayah tanpa disuruh, doakan syurga untuk ibu ayah dan senangkan hati ibu ayah ya, In Sha Allah, hidup kita Allah reda.

Aku mahasiswa Islam, agamaku mengajar erti tawakkal setelah adanya usaha, agamaku juga mengajar adanya hikmah disebalik ujian yang menimpa, dan agamaku menyuruh berbuat baik kepada sesiapa sahaja tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Sebagai mahasiswa Islam, bukan hanya berjaya dunia matlamatku namun berjaya sampai ke syurga.

“Aku Bukan Siapa-Siapa” hanya sahabat yang ingin dipimpin ke syurga. ‘Sahabat, aku sayang kau kerana Allah, tegur aku ya kalau aku silap, doakan aku supaya ke syurga bersama-sama kau dan kalaulah suatu hari nanti kau tak jumpa aku di syurga, tolong tarik aku dari neraka dengan asbab ukhuwah kita ya’. Moga kita tergolong dalam tujuh golongan yang mendapat naungan Allah pada hari yang tiada naungan selain dari naunganNya, amin.

NOR SYAHIDA
BINTI ZOL @
MUHAMMAD ZOL
TAHUN 2
SARJANA MUDA
USULUDDIN
(AL-QURAN & AL-HADITH)



Jom Relaks

“Aku Bukan Siapa-Siapa” hanya gelaran naqibah yang kupunya. Dari dulu hingga kini, aku bangga punya gelaran itu kerna tidak semua mampu punya. Gelaran mulia yang Allah nukilkan dalam al-Quran surah al-Maaidah, ayat 12. Buat mad’uku, aku sayang kalian kerana Allah, meskipun kalian bukan saudara sedarahku, kalian adalah saudara seagamaku.

Alhamdulillah penulisanku kian berakhir disini, sebelum aku menokhtahkan penulisanku, aku ingin berkongsi berita gembira kepada kalian yang membaca, percayalah “Allah tak pernah tak sayang aku” cuma aku yang alpa dariNya, cuma aku yang lari dariNya, cuma aku yang tinggalkanNya. Apa pun masalah yang kita punya, sebesar manapun ujian yang kita tanggung, berbuatlah apa sahaja sehingga suatu tahap Allah kasihankan kita sehingga bilamana kita meminta sesuatu dariNya, tidak ada asbab untuk Dia tidak memberinya.

Akhir kata terima kasih Ya Allah, menggerakkan jari jemariku untuk berkata, mengilhamkan setiap butir kata buat penulisan ini, memandu hatiku untuk memahami dan merenungi setiap bait kata, semoga setiap jiwa yang membaca turut merasainya juga.

Sekian, terima kasih.



DAIE MAHASISWA

Oh Mahasiswa dan Mahasiswi,
Hidup penuh destinasi,
Mencari identiti diri,
Berjuang dimedan ilmi,

Jatuh bangun dirasakan,
Payah jerih diharungi,
Suka duka itu dilalui,
Demi ilmu yang dicintai,

Lain orang berbeza impian,
Ada yang hanya ingin cemerlang,
Ada yang ingin berkerjaya besar,
Ada yang ingin mencari pengalaman,
Ada juga mungkin yang hanya mengisi masa terluang.

Tapi persoalannya?
Berapa ramai yang betul-betul berjuang?
Berapa ramai yang betul-betul ikhlaskan hati?
Berapa ramai yang betul-betul buat kerana Agama?
Hanya untuk Islam.

Inilah persoalan yang perlu kita koreksi kembali?
Perlu diam sejenak,
Pegang hati,
Tanya sanubari.

Apakah tujuan kita selama ini?
Apakah matlamat yang aku cari?
Apakah hanya di dunia tempat aku?
Atau kan ku bawa semua ini menuju Ilahi?.

Oh Mahasiswa dan Mahasiswi,
Kita ini Daie!
Ya, Kita Daie!

Kerna dengan ilmu yang ada,
Gunakan ia untuk dekatkan diri dengan Ilahi,
Jadikan diri ini hamba Ilahi,
Ajak manusia kembali kepada fitrah manusiawi!

Baru kita digelar,
Daie Mahasiswa,
Kerna tugas Daie adalah tugas bersama,
Jadikan diri ini tali,
Yang mengikat diri dan manusia lain kearah Ilahi,

Yakinlah,
Jiwa yang mati kan kembali subur,
Bila kita mula letakkan Ilahi di hati,
Segala masalah dihadapi,
Hanya senyuman yang kelihatan di pipi.

Indah bukan?
Menjadi Daie Mahasiswa,
Bukan hanya tuntutan ilmu,
Tapi berkongsi ilmu,
Bukan hanya menempuh dugaan,
Tapi mencipta kenangan,
Dan juga bukan hanya mencari duniawi,
Tapi mencari Ukhrawi yang pasti.

Oh Mahasiswa dan Mahasiswi,
Sedarlah!
Bangunlah!
Berpijaklah pada realiti,
Lihat dunia yang tenat ini,

Ia perlu suntikan penawar hati,
Yang hanya akan terubat,
Melalui Cintakan Ilahi.

Oh Mahasiswa dan Mahasiswi,
Jadilah Daie!
Serulah manusia ke jalan Ilahi,
Cegahlah yang munkar,
Tegakkan hukum Ilahi.

Moga perjuangan dan pengorbanan kecil ini,
Menjadi bukti kepada diri,
Sewaktu kita semua menghadap Ilahi.
Moga jiwa para Daie Mahasiswa sentiasa dibimbing Ilahi.

HIDUP DAIE MAHASISWA!

MUHAMMAD
ALFATEH
BIN ISMAIL
TAHUN 3
SARJANA MUDA
USULUDDIN
AL-QURAN & AL-HADITH



JOM RELAKS



KESATUAN MAHASISWA AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2020

dengan kerjasama
Timbalan Pengarah Penyelidikan & Pembangunan APIUM



Pencarian KOLUMNIS

E-Risalah APIUM

ANDA SUKA MENULIS?

Jom serlahkan bakat penulisan anda dengan menjadi **KOLUMNIS TERPILIH** bagi E-Risalah APIUM akan datang!

KRITERIA

- 1) Bebas (Cerpen, puisi, komik & lain-lain).
- 2) Tema berunsurkan Mahasiswa & Islam.
- 3) Tulisan sekitar 500-600 patah perkataan sahaja.

Karya bertuah akan disiarkan di dalam E-Risalah APIUM yang JULUNG KALINYA akan diterbitkan!

Hantar maklumat diri anda, gambar profil serta karya anda di kmumapium@gmail.com

Sebagai tanda penghargaan, kami menyediakan **HADIAH** bagi tulisan yang tersiar.

[kmumapium](https://www.facebook.com/kmumapium) [kmum_apium](https://www.instagram.com/kmum_apium)